



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN DAN PENYELIDIKAN STI TERUS DIPERKASA, KESIAPSIAGAAN NEGARA BERALIH KE ARAH TENAGA NUKLEAR TERUS DIBERI KEUTAMAAN

KUALA LUMPUR, 12 November 2024 - Belanjawan 2025 Malaysia MADANI MOSTI terus menunjukkan peningkatan dengan bajet mengurus RM738 juta (kenaikan sebanyak 4.7%) dan bajet pembangunan RM536.62 juta (kenaikan sebanyak 0.15%). Peningkatan ini melibatkan peruntukan pembangunan perkhidmatan STI meningkat dari RM140 juta kepada RM141 juta dan penyelidikan STI yang meningkat dari RM102 juta kepada RM172 juta serta peruntukan bajet R&D sebanyak RM595 juta dengan pengagihan RM195 juta di bawah MOSTI dan RM400 juta di bawah KPT.

Dengan peningkatan bajet ini, MOSTI komited untuk mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang inovasi dan teknologi di peringkat global.

Pada masa yang sama, MOSTI turut menyasarkan peningkatan sumbangan penyelidikan pembangunan eksperimen dari 45.5% pada 2020 kepada 50% pada 2025 dengan fokus kepada pengkomersialan R&D. MOSTI juga akan memanfaatkan Dana Malaysia Science Endowment (MSE) untuk memadankan dana sektor swasta dengan industri dan GLIC dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada dana Kerajaan serta meningkatkan GERD dan BERD menjelang 2030.

Inisiatif utama Bajet MOSTI tahun 2025 termasuklah pembangunan teknologi seperti MySTI (perolehan produk R&D tempatan), NTIS (platform untuk ujian produk), MCY (mengkomersialkan produk R&D tempatan) dan KL20 (pelan tindakan untuk ekosistem *startup*). Manakala dalam bidang kecerdasan buatan (AI), MOSTI melalui NBAIC telah melaksanakan lebih 20 inisiatif sejak 2022 termasuk penyediaan garis panduan etika AI dan AI Sandbox.

Bagi pembudayaan STI pula, MOSTI melaksanakan pelbagai program intervensi pembudayaan melalui Program SciTech4U, yang turut melibatkan program perdana seperti Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics. Terbaharu, Program STI 100³ yang menghimpunkan seramai 100 orang saintis dan dipadankan dengan 100 buah sekolah telah dilaksanakan. Semua inisiatif ini dijangka akan menyemarakkan lagi keterujaan dan minat murid-murid sekolah terhadap bidang STEM.

Selaras dengan usaha menjayakan Ekonomi MADANI ini, Malaysia sedang mempertimbangkan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga utama untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2050 selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Dasar Tenaga Negara (NEP). Langkah ini dilihat sebagai penyelesaian proaktif terhadap cabaran trilema tenaga negara iaitu memastikan kestabilan, kelestarian, dan kecekapan tenaga. Dalam hal ini, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bersama MOSTI telah dipertanggungjawabkan untuk meneroka pembangunan tenaga nuklear di Malaysia termasuk penyediaan kepakaran teknikal dan latihan.

MOSTI melalui Nuklear Malaysia dan Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) memainkan peranan penting dalam pembangunan teknologi nuklear serta aspek kawal selia. Agensi Nuklear Malaysia mempunyai kepakaran yang boleh membantu aspek teknikal bagi pembangunan tenaga nuklear di Malaysia. Kepakaran yang dimiliki oleh pegawai nuklear dalam pelbagai bidang teknologi nuklear dan juga teknologi yang berkaitan akan membantu negara terus beralih kepada teknologi nuklear.

Malaysia optimis bahawa kepakaran yang sedia ada serta kerjasama antarabangsa yang dijalin akan mempercepatkan pengadaptasian teknologi tenaga nuklear dengan selamat dan efisien. Jika diterapkan, program tenaga nuklear ini bakal memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang komited terhadap masa depan tenaga lestari dan neutraliti karbon.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
12 November 2024